

01/02/2001

Melayu Malaysia perlu berani buat pembaharuan

Mohd Jamizal Zainol

MASYARAKAT Melayu negara ini sekali lagi tersentak dengan kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, yang menyatakan orang Melayu di Singapura lebih maju daripada bangsa Melayu di Malaysia.

Kenyataan itu yang dibuat di hadapan lebih 600 orang Melayu Singapura sebenarnya mengundang pelbagai persoalan dan menuntut justifikasi mengapa perbandingan itu dibuat.

Perlu diingat, kenyataan itu dibuat apabila kedua-dua parti terbesar Melayu di Malaysia, Umno dan Pas, sudah menyatakan persetujuan untuk bermuzakarah demi penyatuan Melayu.

Kenyataan Perdana Menteri Singapura itu dirasakan mempunyai maksud tersirat untuk mempengaruhi muzakarah yang ingin dilaksanakan.

Perbandingan itu begitu subjektif sifatnya kerana kemajuan sebenar orang Melayu di Singapura tidak pun diketahui secara mendalam. Kita tidak menafikan orang Melayu Singapura mungkin setanding bangsa lain kerana memiliki hartanah dan menduduki jawatan dalam pertubuhan awam dan swasta.

Tetapi, persoalannya apakah jenis jawatan yang mereka pegang? Setakat mana pendapatan isi rumah mereka? Adakah mereka benar-benar berpuas hati dengan layanan Kerajaan Singapura terhadap mereka? Seribu satu soalan yang perlu dijawab.

Di Malaysia, bangsa Melayu bukan hanya mempunyai keistimewaan dalam pemilikan harta dan hartanah, tetapi ramai daripada mereka yang menjadi pemimpin tinggi kerajaan.

Duta untuk mewakili Malaysia di luar negara banyak dilantik daripada kalangan bangsa Melayu atau dengan kata lain kuasa politik di Malaysia masih dipegang Melayu walaupun Barisan Nasional (BN) mengamalkan perkongsian kuasa dengan kaum lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menganggap bangsa Melayu di Malaysia berjaya dan tidak boleh dianggap lemah kerana ramai Melayu yang memegang jawatan tinggi dalam pelbagai bidang.

Malah, syarikat asing turut memberi kepercayaan kepada bangsa Melayu untuk memegang jawatan tinggi dalam syarikatnya. Contohnya, Shell melantik Datuk Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor, sebagai Pengarah Perniagaan bagi kawasan Timur Tengah, Asia Selatan, Asia Barat dan Asia Tengah, selain Russia.

Bangsa Melayu juga berani melakukan sesuatu yang setanding dengan bangsa asing, seperti belayar berseorangan mengelilingi dunia dan mendaki Everest, gunung tertinggi di dunia.

Namun, tidak ramai bangsa Melayu di Malaysia yang bersyukur dan berubah sikap untuk tidak mudah berpuas hati dengan apa yang ada.

Berapa ramai orang Melayu yang status hidupnya masih di takuk lama dan malas berusaha. Sikap cukup makan dan budaya subsidi masih menghantui sebahagian besar masyarakat Melayu di negara ini.

Kerajaan sudah memberikan peluang seluas-luasnya kepada bangsa Melayu untuk maju, terutama dalam bidang ekonomi. Tetapi disebabkan hasad dengki, tiada inovasi dan pemikiran kreatif, kadangkala perniagaan yang dijalankan tertangguh sekerat jalan dan mengalami kerugian.

Dalam arus global sekarang, sikap tidak yakin bangsa Melayu kepada diri sendiri dikenal pasti sebagai halangan utama untuk terus maju. Sindrom itu menyebabkan peluang terbaik dalam perniagaan, lebih banyak dilepaskan kepada bangsa asing.

Bangsa Melayu perlu bersikap terra incognita, iaitu mencari ruang baru

dan berani melakukan perubahan untuk terus bersaing.

Orang Melayu tidak harus terus lena dibuai mimpi, sebaliknya hendaklah membuat perubahan diri. Pembaharuan dan perubahan hanya boleh didapati melalui pemilikan ilmu yang tinggi, pengetahuan, pengalaman dan pendedahan.

Berapa ramaikah bangsa Melayu yang menghayati konsep k-ekonomi? Berapa ramaikah pula yang menyedari hakikat kewujudan 'negara maya' seperti yang digagaskan oleh Richard Rosecrance dalam bukunya *The Rise of The Virtual State*?

Adakah orang Melayu sedar bahawa pentadbiran perniagaan sekarang bukan hanya bergantung penuh kepada modal, tetapi juga sumber manusia yang berkualiti sebagai modal yang menguntungkan? Ini selari dengan apa yang ditulis oleh Leif Edvinsson dalam bukunya, *Intellectual Capital*.

Nyata sekali, perubahan sikap orang Melayu kepada bangsa yang lebih berilmu akan memastikan Melayu berada setaraf dan setanding bangsa lain.

Suatu kelebihan bangsa Melayu di Malaysia yang perlu dinyatakan berbanding Singapura ialah komitmen kerajaan membantu Melayu dalam semua bidang, sama ada politik, ekonomi mahupun sosial.

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) oleh kerajaan sejak 30 tahun lalu sebenarnya memberi fokus terhadap pembentukan bangsa Melayu yang lebih dinamik serta mampu bersaing di pasaran terbuka.

Hampir 60 peratus daripada pendapatan kerajaan dibelanjakan kepada bangsa Melayu dalam pelbagai bidang. Pinjaman pendidikan, perniagaan, pemilikan ekuiti dalam syarikat, perumahan dan kemasukan ke universiti secara jelas menunjukkan komitmen kerajaan terhadap masa depan dan nasib bangsa Melayu.

Peruntukan dan bantuan yang begitu besar kepada bangsa Melayu sejak 1971 atas nama DEB sepatutnya sudah dapat dinikmati sekarang dan menghasilkan lebih ramai jutawan Melayu berbanding sekarang.

Tetapi sikap bangsa Melayu yang suka bermewah-mewah dan memegang prinsip 'biar papa asal bergaya' menyebabkan hanya segelintir usahawan Melayu yang boleh dikatakan berjaya. Yang lain masih di takuk lama sambil mengharapkan subsidi dan bantuan orang politik tertentu menghulurkan projek dan pemilikan saham.

Justeru, perbandingan antara kejayaan orang Melayu di Singapura dan Malaysia adalah tidak wajar kerana kedua-duanya membangun dalam keadaan dan suasana yang berbeza.

Jika 200 tahun dulu, tidak ada seorang pun kaum Cina di pulau itu - sebaliknya yang ada hanyalah orang Melayu - keadaan sudah jauh berbeza apabila orang Cina menguasai hampir keseluruhan republik itu, sama ada dari segi ekonomi mahupun politik.

Singapura boleh dibaratkan 'Hong Kong Kedua' kerana dipenuhi penduduk Cina, manakala orang Melayu hampir tiada langsung kuasa politik dan ketuanan Melayu di tanah air sendiri.

Ini dibuktikan oleh kajian seorang penulis akademik, Lily Zubaidah, dalam bukunya, *The Singapore Dilemma* yang menceritakan bagaimana orang Melayu di Singapura ditindas dan terkebelakang berbanding bangsa lain.

Orang Melayu Singapura mungkin lebih maju, tetapi persoalannya kemajuan itu hanya diukur dari aspek material, bagaimana pula dengan budaya dan agama? Adakah budaya Melayu di Singapura juga masih diambil berat oleh kerajaannya?

Waris keturunan sultan terakhir Singapura menyifatkan kenyataan Perdana Menteri Singapura itu sebagai usaha untuk melaga-lagakan perpaduan Melayu di rantau ini.

Sebagai contoh, isu tanah pusaka Istana Kampung Glam membuktikan kejayaan Kerajaan Singapura untuk melaga-lagakan beberapa waris Sultan

Hussein Shah. Taktik dan kaedah ini digunakan sekali lagi untuk menjadikan orang Melayu Singapura angkuh dan berasakan diri mereka lebih hebat daripada bangsa Melayu di Malaysia. Ini sudah pasti mewujudkan suasana yang tidak sihat sesama bangsa Melayu yang sudah terjalin sejak sekian lama.

Perbandingan sebegini sebenarnya tidak adil kerana bilangan orang Melayu di Singapura kecil berbanding Melayu di Malaysia yang membentuk 51 peratus daripada rakyat negara ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, dengan keras menyanggah perbandingan yang dibuat kerana tidak bersesuaian sama sekali atas fakta 400,000 orang Melayu di Singapura dengan 13.5 juta Melayu di Malaysia.

Beliau mencadangkan lebih adil jika perbandingan itu dibuat dengan mengambil kira jawatan tertinggi yang dipegang oleh orang Melayu dalam kerajaan atau syarikat swasta serta pegangan ekuiti dalam syarikat di Singapura.

Selain itu, perlu juga dilihat jumlah penduduk Melayu di bandar dan luar bandar serta pembelaan orang Melayu dari segi pendidikan.

Sebenarnya, perbandingan itu dibuat secara tidak berasas tanpa berdasarkan fakta yang sahih. Apakah justifikasi yang mengatakan orang Melayu Singapura lebih maju dan bernasib baik?

Bagi bangsa Melayu di Malaysia, nikmat dan peluang yang dikecapi adalah secara menyeluruh, termasuk pengekalan dan pengembangan budaya Melayu secara serius oleh kerajaan.

Tambahan pula, perlembagaan negara kita sendiri menjaga beberapa kepentingan bangsa Melayu yang tidak boleh dipisahkan, seperti bahasa Melayu dan agama Islam.

Bolehlah dikatakan kenyataan Chok Tong itu dibaratkan suatu coping behaviour untuk menyembunyikan fakta bahawa orang Melayu Singapura sebenarnya disisihkan.

Perdana Menteri Singapura itu cukup risau dengan perkembangan terbaru Melayu di negara ini yang dilihat sudah mulai bersatu melalui muzakarah yang akan diadakan antara Umno dan Pas.

Sebenarnya jika diperhalusi secara teliti, pemerintah Singapura sebenarnya menyediakan batasan dan halangan yang cukup besar dalam dasar perjawatan di republik itu.

Ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, yang mengatakan orang Melayu Singapura tidak sesuai bekerja di tempat sensitif dalam tentera kerana ditakuti mempunyai pertalian keluarga di Malaysia dan pegangan agama yang kukuh.

Amat malang apabila Kerajaan Singapura sendiri tidak yakin ketaatan rakyatnya kepada negara sendiri. Ini menyebabkan Singapura sentiasa dalam keadaan fobia dan sering melatah apabila dibangkitkan isu dua hala Singapura dan Malaysia.

Pendek kata, bangsa Melayu di Malaysia harus bersyukur di atas segala nikmat yang dikecapi di negara sendiri. Biarlah berapa ribu kenyataan yang menyakitkan hati dibuat oleh republik itu tetapi bangsa Melayu di Malaysia masih boleh bersatu dan membuktikan bahawa kita mampu menjadi bangsa yang dihormati di rantau ini.

Prasyarat utama tidak lain dan tidak bukan adalah perubahan sikap bangsa Melayu sendiri ke arah yang lebih proaktif dan berilmu. Kekalkan nikmat ini dan jauhkanlah persengketaan sesama kita.

(END)